

Cetus gimik politik rugikan rakyat
Utusan Online
25 Julai, 2012
Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

SHAH ALAM 24 Julai - Tindakan kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor yang cuba mengalih perhatian rakyat daripada masalah bekalan air mentah terawat yang meruncing kepada isu pengambilalihan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) membuktikan mereka hanya pandai mencetuskan gimik politik rugikan rakyat.

Ketua Sekretariat Gerakan Prihatin Rakyat Selangor (GPRS), Zubir Zainuddin berkata, alasan kerajaan PKR Selangor bahawa air di empangan penuh bagi menolak Projek Loji Rawatan Air Sungai Langat 2 (Langat 2) menunjukkan mereka bertindak atas dasar politik tanpa mengira sejarah perkhidmatan bekalan air di Lembah Klang.

"Kajian berkaitan bekalan air di Lembah Klang telah dibuat sejak 1970-an dan jika kerajaan negeri hendak mengambil alih Syabas pun mereka hanya mempunyai 30 peratus saham sahaja.

"Langkah terbaik adalah kerajaan negeri perlu berhenti daripada terus mencetuskan gimik politik hingga menjejaskan kepentingan rakyat kerana isunya adalah bekalan air mentah terawat bakal berkurangan jika Langat 2 tidak dibina segera," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas sikap kerajaan negeri Selangor yang selama ini menolak akan berlaku krisis bekalan air kerana air empangan penuh sedangkan isu sebenarnya adalah kekurangan bekalan air mentah dirawat yang semakin meruncing.

Sementara itu, Ahli Majlis Gagasan Anti Penyelewengan Selangor (GAPS), Wan Indra Putra Ahmad berkata, tindakan tidak matang kerajaan PKR Selangor yang sering mengalihkan perhatian rakyat membuktikan mereka lebih mengutamakan keuntungan peribadi berbanding kepentingan rakyat.

Tambahnya, kerajaan negeri Selangor juga tidak bersungguh-sungguh membela rakyat yang sedang menghadapi masalah bekalan air yang semakin meruncing sejak kebelakangan ini.

"Apa yang saya nampak, jika mereka mempunyai keuntungan peribadi dalam pembinaan Langat 2, projek itu sudah lama dimulakan. Rakyat perlu menilai adakah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim seorang yang pandai mencari alasan atau mencari penyelesaian," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Sekretariat Orang Muda (Serang), Budiman Mohd. Zohdi pula menjelaskan, jika kerajaan PKR Selangor benar-benar komited menjaga kebajikan rakyat mereka seharusnya mengetepikan sentimen politik dan mengeluarkan segera arahan pembangunan (DO) bagi projek Langat 2 di Semenyih.

"Isu utama adalah Syabas memerlukan loji baru Langat 2 bagi memproses air mentah untuk menampung permintaan yang semakin bertambah menjelang 2014.

"Apabila kerajaan negeri bermain tarik tali dengan kerajaan Persekutuan berhubung isu Langat 2 dan kini menimbulkan pula isu pengambilalihan Syabas, ia jelas menunjukkan

mereka mempunyai agenda melengah-lengahkan isu bekalan air hingga pilihan raya umum akan datang sebagai modal berkempen," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20120725/po_01/Cetus-gimik-politik-rugikan-rakyat